

27/10/2003

Dr Mahathir negarawan berjiwa nasional

Kadir Dikoh

"SAYA lebih suka memakai kereta (Proton) Perdana V6." Itu adalah antara kata-kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila diminta menggunakan kereta BMW Siri-7 yang dipinjamkan kepada kerajaan untuk digunakan oleh ketua-ketua negara sepanjang Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam

(OIC) di Putrajaya baru-baru ini.

Perdana Menteri secara terhormat menolak tawaran itu meskipun BMW Siri-7 terbabit sudah dihantar ke pekarangan pejabatnya di Putrajaya lebih awal.

Daripada 67 buah BMW Siri-7 itu, 10 adalah kalis peluru untuk kegunaan ketua negara dan kerajaan yang berisiko tinggi sepanjang Sidang Kemuncak OIC.

Menurut pengawal peribadinya, Dr Mahathir juga tidak perlu kereta kalis peluru di negara ini kerana menganggap Malaysia sebuah negara Islam yang bukan saja maju malah aman sejahtera.

"Dr Mahathir masih bebas berjalan seorang diri di pusat beli-belah yang menjadi tumpuan orang ramai," katanya. Tetapi sesetengah ketua negara asing yang datang ke Malaysia, membawa kereta sendiri. Presiden Russia, Vladimir Putin misalnya, membawa dua kereta kalis peluru yang tiba lebih awal menggunakan sebuah kapal terbang khas.

Salah sebuah BMW Siri-7 itu juga kelihatan diletakkan di barisan kereta Perdana V6 ketika Dr Mahathir merasmikan Ekspo OIC 2003 di Putrajaya 14 Oktober lalu, iaitu dua hari sebelum sidang kemuncak OIC, tetapi ia tetap tidak "diusik" oleh Perdana Menteri.

Ini bukan bermakna beliau tidak menghargai tajaan syarikat Cartrade Sdn Bhd dalam bentuk pinjaman kepada kerajaan, tetapi Dr Mahathir lebih sukakan kereta buatan tempatan, ciptaannya 20 tahun lalu apabila Malaysia mengeluarkan kereta nasional sendiri.

Perdana V6 versi baru yang dilancarkan Jun lalu, baru digunakan Dr Mahathir. Sebelum ini beliau menggunakan Perdana V6 versi lama yang dilancarkan sejak 1998 tetapi masih mengekalkan nombor plat "Proton 2020".

Perdana V6 versi baru itu kelihatan lebih sporty dan estetika, dengan jeriji depan lebih lebar dan bumper depan serta belakang lebih aerodinamik. Ia juga menampilkan lampu belakang kristal dan rim sport 16-inci baru yang lebih 'garang'.

"Dr Mahathir mula menggunakan kereta Proton sejak selepas krisis kewangan serantau pada 1997 bermula dengan model Wira. Apabila mula menjadi Perdana Menteri, beliau menggunakan kereta Daimler dan sembilan tahun kemudian ditukar kepada Lexus sehinggalah 1997," kata pemandu

peribadinya selama lebih 22 tahun, Syawal Agus.

Itulah Dr Mahathir yang sukakan produk tempatan, dengan membiarkan ketua-ketua negara yang lain "bergaya" dengan BMW dan mungkin sesetengahnya, terutama dari Afrika tidak menggunakannya sebagai kereta rasmi di negara sendiri.

Menjelang detik 31 Oktober, iaitu tarikh Dr Mahathir menyerahkan tugas kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri bukan saja sibuk menjalankan tugas di dalam dan luar negara, malah melayan kerenah orang ramai sama ada mahu bergambar, berjabat tangan atau menandatangani autograf.

Entah berapa ratus kali Perdana Menteri 'tunduk' kepada permintaan orang ramai untuk bergambar bersama-sama ketika menghadiri acara tertentu selain mereka berebut-rebut untuk bersalam, sejak selepas beliau mengumumkan hasrat untuk bersara pada Jun tahun lalu.

Malah selepas selesai saja mengadakan sidang akhbar pada akhir Sidang Kemuncak OIC di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), lewat petang 17 Oktober lalu, wartawan menyerbu ke pentas untuk mendapatkan tanda tangan Dr Mahathir.

Begitu juga apabila orang ramai berpusu-pusu berjabat tangan selepas Perdana Menteri menunaikan solat Jumaat pada hari yang sama di Masjid Putrajaya dan kemudian ketika jamuan malam penghargaan untuk petugas OIC di PCC pada malam Sabtu lalu.

Bagi wartawan yang mengikuti lawatan Dr Mahathir ke luar negara pula bagaikan sudah menjadi kemestian untuk tidak melepaskan peluang bergambar bersama selepas sidang akhbar diadakan.

Pernah Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz "mengusik" Dr Mahathir dengan kata-kata berbunyi "handsomelah gambar" ketika Perdana Menteri sedang menandatangani beberapa keping gambarnya selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu negara 19 September lalu.

Dengan tiba-tiba Presiden Umno itu sambil tersenyum menoleh ke arah Rafidah dengan kata-kata berbunyi: "Baru tahu?" Ungkapan bersahaja Dr Mahathir itu menyebabkan pemimpin kanan Umno termasuk timbalannya, Abdullah dan wartawan gelak seketika sebelum sidang akhbar dimulakan.

Itulah mesyuarat MT Umno kedua terakhir dipengerusikan Dr Mahathir dan sehari sebelum mengundur diri secara rasmi, beliau akan mempengerusikan mesyuarat MT bagi kali terakhir sebagai Presiden Umno pada 30 Oktober ini.

Tarikh 31 Oktober iaitu hari Jumaat, sudah hampir menjelang tiba dan pada tarikh itu, Abdullah dijangka mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri yang kelima di Istana Negara, diikuti upacara penyerahan tugas di Putrajaya.

Sumber berkata, kakitangan Seri Perdana di Putrajaya dengan bantuan khas Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sudah beberapa minggu mengemas barangan

milik peribadi Dr Mahathir dan isterinya itu untuk dibawa ke rumah peribadi mereka di The Mines Resort City, Seri Kembangan.

"Tetapi barangan cedera mata yang dihadiahkan kepada Perdana Menteri diasingkan dan akan dibawa ke Langkawi untuk disimpan bagi tontonan orang ramai di Galeria Perdana," katanya.

Galeria Perdana di Langkawi sudah menghimpunkan lebih 8,000 koleksi cendera hati pemberian pemimpin dan tokoh dunia dan tempatan. Galeri itu seluas 5,332 meter persegi yang menggabungkan dua bangunan dua tingkat dengan reka bentuk seni bina oriental.

Namun, bagi Dr Mahathir sendiri mungkin agak sebak ketika saat 31 Oktober menjelang tiba tetapi setiap kali wartawan bertanya mengenai perasaannya sebelum bersara, beliau akan cuba mengelak.

"Banyak kali dah cakap (tetapi) boleh rehat sikitlah (selepas 31 Oktober)," katanya ketika penulis mengajukan soalan itu pada sidang akhbar

selepas beliau menyaksikan kejuaraan Formula Satu (F1) Bot Laju Sedunia di The Mines Resort City, 5 Oktober lalu.

Bila ditanya pula bila penyerahan tugas dilakukannya untuk Abdullah mengambil alih, Dr Mahathir sekali lagi mengelak apabila menjawab dengan penuh sinis bahawa perkara itu kena baca dalam BusinessWeek "kerana mereka

lebih tahu bagaimana saya akan menyerah tugas kepada timbalan saya".

Namun, sumber lain memberitahu bahawa sebuah pejabat khas sudah disediakan oleh pihak korporat untuk Dr Mahathir di Putrajaya selepas beliau bersara nanti, termasuk perpustakaan yang lengkap.

"Ruang pejabat barunya ini menyerupai pejabatnya yang ada di Pejabat Perdana Menteri. Ia diolah sebegitu rupa supaya Dr Mahathir tidak rasa kelainan di tempat baru nanti, sekurang-kurangnya suasana itu dirasai bagaikan tidak berubah meskipun bentuk luarannya jauh berbeza," kata sumber itu.

Bagi sesetengah pemimpin asing, amat sukar untuk mengundur diri tatkala

sedang popular dan akhirnya terpaksa diguling sama ada secara kekerasan atau melalui kuasa rakyat. Tetapi bagi Dr Mahathir, beliau akan meninggalkan pentas politik tatkala popularitinya berada di puncak dan Umno di tahap paling kuat.

"Saya diajar oleh emak saya iaitu bila makan tengah sedap, masa itu kena berhenti, susah bila tengah sedap makan, nak kena berhenti. Saya tengah sedap jadi pemimpin, jadi Perdana Menteri, jadi Presiden, tetapi mengingati nasihat ibu saya, saya buat keputusan untuk berhenti. Jangan berhenti apabila dihalau keluar, jangan berhenti waktu kita tak popular, jangan berhenti setelah kita rosakkan parti," katanya ketika berucap pada

perhimpunan agung Umno Jun lalu.

Nescaya, Dr Mahathir menyerahkan Umno yang kukuh kepada bakal penggantinya, Abdullah - menepati janji beliau 22 tahun lalu setelah mengambil alih jawatan Presiden parti daripada Tun Hussein Onn yang berbunyi "Mudah-mudahan saya akan dapat menyerahkan Umno kepada pemimpin yang akan datang dalam keadaan kukuh dan berpadu seperti mana yang telah saya terima. Inilah doa saya kepada Tuhan Rabbulalamin dan inilah juga yang saya pohon saudara saudari doakan bersama".

Pada 31 Oktober ini, beliau mengundur diri untuk digantikan oleh Abdullah sebagai Perdana Menteri kelima.

Tentu ramai masih ingat pantun terakhir disampaikan oleh Dr Mahathir pada akhir Perhimpunan Agung Umno ke-54 itu dengan janji akan terus berbakti kepada Umno selepas bersara nanti:

"Izinkan saya beredar pergi
memberi ruang pada Pemuda
melupai Umno tidak sekali
terus berjuang walaupun bersara."